


603 5510 3173




فريدان كاجوان نكري سلاڠور

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Selangor State Development Corporation)

TINGKAT 9, MENARA UPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK, NO. 7, PERSIARAN SUKAN
SUKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR, MALAYSIA.
TEL: 03-55201269 FAX: 03-55103167 E-mail: ottman@pkns.gov.my

* *
SELANGORSHINES



MS ISO 9001/2008 REG. NO. AR 1/04

PEJ. PENGURUS BESAR
(General Manager's Office)

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Surat kami : (47) PKNS/SUK/M/1.1 Jld. 9

Tarikh : 08 Januari 2014

Y.B. Tuan Mohamcd Azmin bin Ali
ADUN Kawasan Bukit Antarabangsa
No. 2, Lorong Perak
Pusat Bandar Taman Melawati
Hulu Klang
53100 Kuala Lumpur

Wante dan tegur
Nl 10/1

Yang Berhormat,

PELANTIKAN AHLI-AHLI PERBADANAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negri bertarikh 13 November 2013 adalah berkaitan. (Dilampirkan bersama-sama ini)

2. Selaras dengan keputusan tersebut perkhidmatan Yang Berhormat sebagai Ahli Perbadanan telah ditamatkan mulai 04 Disember 2013. Sehubungan dengan itu PKNS mengucapkan selinggi-lingga penghargaan dan terima kasih terhadap segala sumbangan idea dan khidmat nasihat Yang Berhormat sepanjang tempoh Yang Berhormat memegang jawatan sebagai Ahli Perbadanan. PKNS dan mempengaruhi Jawatankuasa Kerja (Exco) Perbadanan. Khidmat nasihat, sumbangan idea serta teguran-teguran berasas Yang Berhormat telah banyak membantu dalam mempertingkatkan dan memantapkan lagi tadbir urus, prestasi serta pencapaian kewangan PKNS setakat ini.

3. Saya dan seluruh anggota PKNS mengucapkan selamat maju jaya kepada Yang Berhormat didalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat serta mendoakan semoga Yang Berhormat serta keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.


4. Semoga jalinan kerjasama dan silaturrahim di antara PKNS dan Yang Berhormat akan berterusan dan diperhebatkan dimasa-masa akan datang

603 5510 3173

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang benar



(DATO' OTHMAN BIN HAJI OMAR DIMP)
Pengurus Besar
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

Headline	Azmin digugur dari PKNS		
Media Title	Sinar Harian		
Date	11 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	284 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,610
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,830



Azmin digugur dari PKNS?

Tidak terpilih anggota ahli lembaga pengarah

NURKHAIRINI JUMARI

SHAH ALAM – Isu pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) kini semakin hangat apabila ura-ura sejak Oktober lalu menyatakan Pengerusi PKR Selangor, Mohamed Azmin Ali bakal digugurkan dari memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah PKNS mewakili komponen parti PKR untuk penggal ini bakal terjawab.

Menurut sumber, PKNS telah menghantar surat kepada Azmin memberitahu beliau tidak dipilih semula menganggotai ahli Lembaga Pengarah PKNS untuk penggal baru, kira-kira jam 11 pagi semalam.

Azmin bagaimanapun dalam kirim SMS kepada *Sinar Harian* hanya menjawab 'Ya' ketika ditanya mengenai perkara itu.

Selain Azmin, wakil komponen Pakatan Rakyat (PR) Selangor yang dipilih menganggotai Ahli Lembaga Pengarah PKNS ialah bekas Adun Kinrara, Teresa Kok mewakil DAP manakala Adun Cempaka, Iskandar Abdul Samad mewakili Pas.



AZMIN

Menurut sumber dari PKNS, Menteri Besar yang juga Pengerusi PKNS, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dijangka akan mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah PKNS pada

20 Januari ini, di mana mesyuarat ini amat dinanti-nantikan bagi merungkai persoalan bariisan pengurusan baru yang dirombak.

Sumber berkata, dijangkakan Abdul Khalid akan membuat pengumuman rasmi dua keputusan besar dalam mesyuarat tersebut iaitu pelantikan pengurus besar PKNS yang baharu

dan pengumuman wakil komponen Pakatan Rakyat yang bakal menganggotai Ahli Lembaga Pengarah PKNS untuk penggal ini.

Katanya, DAP dijangka akan mengumumkan wakil baharunya sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS menggantikan Teresa yang digugurkan secara automatik kerana sudah tidak menjadi wakil rakyat di Selangor.

Mengenai jawatan pengurus besar, Pengurus Besar PKNS, Omar Othman sebelum ini menyatakan hasrat untuk tidak memperbaharui kontrak beliau yang bakal berakhir 31 Januari ini.

Difahamkan Othman telah menghantar surat itu kepada pejabat Menteri Besar.

Status mengenai individu yang bakal menerajui PKNS sehingga kini masih menjadi tanda tanya selagi Menteri Besar belum membuat pengumuman rasmi. Bagaimanapun, belum pun keputusan rasmi diumumkan, difahamkan sudah ada pemangku Pengurus Besar PKNS iaitu Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Darul Ehsan (KDEB), Azlan Md Alifiah dan beliau juga dikhaskan bakal menggantikan Othman pada Februari.

Desas-desus pengganti Othman itu didakwa diputuskan dalam mesyuarat Menteri Besar Incorporated (MBI). Keputusan itu juga dikatakan wujud campur tangan MBI, sedangkan PKNS bukan anak syarikat di bawahnya dan mengikut enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), ia seharusnya diputuskan dalam mesyuarat yang dihadiri ahli lembaga pengarah perbadanan itu sendiri.

Difahamkan juga, pelantikan pengurus besar baru turut dipertikaikan kerana jawatan Pengurus Besar PKNS perlu dipilih daripada penjawat awam yang dilantik daripada satu jawatankuasa perjawatan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bukannya campur tangan MBI.